



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **AMALAN *SOGIT* DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD SABAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **WILLIMA OSHWIRA ENSIN**

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

## **2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN SOGIT DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI  
DAERAH KOTA BELUD SABAH**

**WILLIMA OSHWIRA ENSIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

## PERAKUAN

“Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan nukilan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”



05-4506832



Nama : Willima Oshwira Ensin

pustaka.upsi.edu.my



Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

No. Pelajar : D20182085222

Tarikh : 18 Julai 2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek ilmiah ini disediakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Pihak Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyelidikan projek ilmiah ini.

Tarikh:



## DISCLAIMER

This academic project is prepared here in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Bachelor of Malaysian Studies with Education by Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, Perak. The Department of Education Malaysia, Faculty of the Science Humanities, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim from the third party with regards to the production of this academic project.

Date:





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

## DEDIKASI

*Buat Bapaku Ensin Bin Matingkad dan Ibuku Juliah Binti Lambut serta  
semua anggota keluargaku yang tercinta,  
kepada semua guru dan pensyarah yang pernah mengajarku,  
kepada rakan seperjuangan yang sentiasa bersamaku dan  
akhir sekali untuk semua masyarakat Dusun yang tinggal di Kota Belud, Sabah*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Jutaan ucapan terima kasih dan syukur saya panjatkan kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Saya percaya tanpa penyertaan-Nya, saya tidak akan mampu untuk menyiapkan terutamanya untuk mencari idea penulisan bagi setiap objektif yang dirangka. Namun, saya percaya semua akan menjadi indah pada waktunya jika kita berusaha dan menyerahkan kekusutan kepada-Nya.

Seterusnya kepada penyelia saya Dr. Kalsum Binti Umar kerana telah memberikan tunjuk ajar kepada saya tanpa jemu sepanjang menjalankan latihan ilmiah ini. Saya ibaratkan beliau seperti seorang ibu saya sepanjang berada di perantauan ini kerana sentiasa memberi teguran terutamanya sepanjang menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu dan memberi bimbingan yang amat bernilai sepanjang proses menyiapkan latihan ilmiah saya ini.



Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya informan-informan iaitu En. Jumail Bin Sampoli, En. Saliun Bin Darajun dan En. Seibih Bin Tambakah kerana sudi berkongsi pengalaman masing-masing berkaitan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud. Saya berharap agar latihan ilmiah ini dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya masyarakat Dusun.

Willima Oshwira Ensin

D20182085222

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan (AT58)





## ABSTRAK

Amalan *sogit* merupakan amalan yang diwarisi oleh masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah sejak zaman dahulu lagi. Pelaksanaan amalan *Sogit* dalam perkahwinan yang rumit telah membebankan masyarakat Dusun. Sejajar dengan itu, maka kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti jenis-jenis dan menganalisis kaedah pelaksanaan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun serta menilai kewajaran amalan *sogit* tersebut. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif pendekatan fenomenologi dan temu bual separa berstruktur bersama tiga orang informan. Sampel kajian telah dipilih dengan menggunakan pensampelan bukan rawak jenis pensampelan bertujuan iaitu hanya yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa peraturan adat dalam masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah yang perlu dipatuhi oleh masyarakat Dusun terutamanya pasangan yang hendak berkahwin. Kaedah pelaksanaan amalan *sogit* pula dibahagikan kepada dua iaitu melibatkan anggota keluarga sahaja dan melibatkan seluruh penduduk kampung. Amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun didapati masih wajar untuk dilaksanakan. Kesimpulannya, amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun masih diamalkan dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Dusun. Implikasi kajian ini boleh digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk dijadikan sebagai rujukan khusus untuk amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun.

Kata kunci: Amalan *Sogit*, Perkahwinan, Masyarakat Dusun, jenis-jenis *sogit* dan kaedah pelaksanaan.





## ABSTRACT

The practice of *sogit* is a tradition inherited by the Dusun community in the Kota Belud district of Sabah since ancient times. The implementation of the *sogit* practices in complicated marriages has caused a burden to the Dusun community. In line with that, this study was conducted to identify the types and analyze the methods of implementation of the *sogit* practice in the marriage of the Dusun community as well as evaluate the appropriateness of *sogit* practice in such marriages. This study has used a phenomenological qualitative research design approach with semi-structured interviews with three informants. The study sample was selected using a purposeful non-random sampling type in which only those who are knowledgeable and experienced in the practice of *sogit* in the marriage of the Dusun community were included. Based on this study it was found that there are some customary rules in the Dusun community of Kota Belud Sabah district that they must comply with be complied with, especially when a couple wants to get married. The implementation of the *sogit* practice is divided into two, which involve only family members and involve the entire village. The practice of *sogit* in the marriages of the Dusun community is still seen as appropriate to be implemented. In conclusion, the practice of *sogit* in the marriage of the Dusun community is still practiced and holds great significance among the Dusun community. The implications of this study can be used by interested parties to serve as a specific reference for the practice of *sogit* in the marriage of the Dusun community.

**Keywords:** *Sogit* Practice, Marriage, Dusun Community, types of *sogit*, and implementation.





## KANDUNGAN

<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>TUNTUTAN PIHAK KETIGA</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>



<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.3 PERSOALAN KAJIAN	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 SKOP KAJIAN	7
1.6 JURANG PENGETAHUAN	10
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	12





1.8 JANGKAAN HASIL KAJIAN	15
<b>BAB 2:TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
2.1 PENGENALAN	18
2.2 SUMBER KAJIAN LEPAS	19
2.2.1 BUKU	19
2.2.1.1 Amalan <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun	19
2.2.1.2 Perkahwinan Adat	23
2.2.1.3 Masyarakat Dusun Di Sabah	25
2.2.3 JURNAL DAN ARTIKEL	28
2.2.3.1 Amalan <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun	28
2.2.3.2 Perkahwinan Adat	33
2.2.3.3 Masyarakat Dusun Di Sabah	34
2.3 KERANGKA KONSEPTUAL DAN TEORITIKAL	35
2.3.1 Kerangka Konseptual	35
2.3.2 Kerangka Teori	37
2.3.2.1 Teori Fungsionalisme Struktural Menurut Emile Durkheim	38
2.3.2.2 Teori Fungsionalisme Struktural Menurut Talcott Parsons	39
2.3.2.3 Teori Fungsionalisme Struktural Menurut Malinowski	41
2.3.2.4 Teori Fungsionalisme Struktural Menurut Robert Merton	43
2.3.2.5 Aplikasi Teori Fungsionalisme Struktural Terhadap Amalan <i>Sogit</i> Dalam Perkahwinan Masyarakat Dusun Di Daerah Kota Belud Sabah.	44
<b>BAB 3: METODOLOGI</b>	<b>46</b>
3.1 PENGENALAN	46
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	48
3.3 INSTRUMEN KAJIAN	52
3.3.1 Kajian Rintis	53
3.3.2 Temu Bual	55
3.4 PENGUMPULAN DATA PRIMER	58
3.5 PENGUMPULAN DATA SEKUNDER	59



3.6 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN	62
3.7 KADEAH DAN PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	66
3.7.1 Kaedah Pengumpulan Data	66
3.7.2 Prosedur Pengumpulan Data	67
3.7.2.1 Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Temu Bual	67
3.7.2.2 Prosedur Pengumpulan Bagi Data Sekunder	70
3.8 KADEAH MENGANALISIS DATA	72
3.9. KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN	75
3.10 PENUTUP	77
<b>BAB 4: ANALISIS AMALAN SOGIT DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD</b>	<b>79</b>
4.1 AMALAN <i>SOGIT</i> DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD SABAH	79
4.2 ANALISIS AMALAN <i>SOGIT</i> DALAM PERKAHWINAN BERDASARKAN KEPERCAYAAN ATAU KEAGAMAAN YANG DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT DUSUN.	81
4.2.1 Kepercayaan Animisme Masyarakat Dusun	81
4.2.2 Kepercayaan masyarakat Dusun terhadap kepanasan kampung	85
4.2.3 Kepercayaan masyarakat Dusun terhadap makhluk ghaib dan semangat roh	86
4.3 JENIS-JENIS AMALAN <i>SOGIT</i> DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD SABAH	87
4.3.1 Jenis Amalan <i>Sogit</i> Dalam Perkahwinan Masyarakat Dusun SEBELUM Perkahwinan	87
4.3.2 Jenis Amalan <i>Sogit</i> Dalam Perkahwinan Masyarakat Dusun SEMASA Perkahwinan	99
4.3.3 Jenis Amalan <i>Sogit</i> Dalam Perkahwinan Masyarakat Dusun SELEPAS Perkahwinan.	104
4.4 KADEAH PELAKSANAAN AMALAN <i>SOGIT</i> DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD SABAH.	108



<b>4.5 KEWAJARAN AMALAN SOGIT DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN DI DAERAH KOTA BELUD SABAH.</b>	<b>111</b>
<b>4.6 PENUTUP</b>	<b>118</b>
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	<b>120</b>
5.1 RUMUSAN	120
5.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAJIAN	124
5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	125
<b>RUJUKAN</b>	<b>128</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>138</b>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Cabang-Cabang Animisme dan Konsepnya	82



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	35
3.1 Proses Triangulasi Data	74





## SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
4.1 Binatang ternakan lembu atau sapi yang digunakan sebagai <i>sogit</i>	105
4.2 Binatang ternakan kerbau yang digunakan sebagai <i>sogit</i>	106
4.3 Binatang ternakan khinzir yang digunakan sebagai <i>sogit</i>	106
4.4 Binatang ternakan kambing yang digunakan sebagai <i>sogit</i>	107
4.5 Binatang ternakan ayam (unggas) yang digunakan sebagai <i>sogit</i>	107





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

## SENARAI SINGKATAN

MAN	Mahkamah Anak Negeri
KAN	Ketua Anak Negeri
WKAN	Wakil Ketua Anak Negeri
KK	Ketua Kampung



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Amalan *Sogit* dalam kehidupan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah merupakan salah satu budaya dan kepercayaan yang diwarisi sejak dari zaman nenek moyang. Kajian ini akan menerangkan mengenai amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud dengan mengenal pasti jenis-jenis *sogit* yang terdapat dalam perkahwinan masyarakat Dusun dan kaedah pelaksanaan *sogit* tersebut. Kajian ini turut melihat kewajaran amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun pada masa kini akibat perubahan yang berlaku dalam kehidupan.



Sabah merupakan salah satu negeri yang terdapat di dalam Malaysia dan terletak di kepulauan Borneo dan merupakan negeri kedua terbesar selepas Sarawak dengan keluasan yang menjangkau 72,500 persegi (Laman Web Rasmi kerajaan Negeri Sabah). Sabah mempunyai keunikan yang tersendiri kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, bahasa dan agama. Antara kumpulan etnik yang ada di Sabah ialah etnik Kadazandusun, Murut, Bajau, Bugis, Cina dan Rungus. Walau bagaimanapun, kepelbagaian tersebut tidak menjadi penghalang kepada penduduk untuk tetap hidup harmoni dan bersatu. Kedudukan yang strategik berada di bawah laluan angin monsun turut menyebabkan Sabah dikenali sebagai negeri di Bawah Bayu.

Sabah terdiri daripada 25 buah daerah dan setakat tahun 2019, bilangan penduduk di Sabah ialah sebanyak 3.9 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Daerah Kota Belud merupakan salah satu daerah yang berada di bahagian pantai barat Borneo Utara Sabah dan merupakan salah sebuah daerah yang tertua di negeri Sabah (Marry Lim, 2021). Daerah Kota Belud juga merupakan salah satu kawasan petempatan masyarakat Dusun di Sabah dan turut dikenali ramai dengan jolokan nama sebagai *Cowboys of Southeast Asia* (*Koboi Asia Tenggara*) (Irene Benggon Charuruks & Janette Padasian (Pnyt), 1992). Hal ini demikian kerana kehebatan penduduk di daerah berkenaan dalam menunggang kuda terutamanya dalam kalangan masyarakat Bajau.

Daerah Kota Belud dibahagikan kepada beberapa kawasan dan masyarakat Dusun yang menetap di Kota Belud biasanya dibezakan mengikut perbezaan penggunaan loghat bahasa kawasan mereka tinggal (Marry Lim, 2021). Kebanyakan masyarakat Dusun yang menetap di daerah Kota Belud ialah Dusun Tindal dan Dusun Tobilung iaitu masyarakat Dusun Tindal di kawasan pedalaman, manakala masyarakat



Dusun Tobilung pula menetap di pesisir pantai. Oleh sebab itu, kedua-dua masyarakat Dusun tersebut dapat dibezakan melalui loghat bahasa yang dituturkan dan kawasan tempat tinggal.

Istilah *Dusun* (bahasa Brunei bermaksud kebun) digunakan oleh orang Brunei ketika Kesultanan Brunei menguasai pantai barat di bahagian Borneo Utara dan perkataan *Dusun* merujuk kepada etnik petani pedalaman terutamanya yang menanam padi sawah (Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012). Masyarakat Dusun di Sabah terdiri kepada beberapa kelompok, antaranya ialah Dusun Tindal, Dusun Tobilung, Dusun Tatana, Dusun Kimaragang dan Dusun Lotud. Biasanya masyarakat Dusun di Sabah hidup secara berkelompok iaitu mereka akan menetap di suatu kawasan mengikut kelompok masing-masing. Buktinya, kebanyakan masyarakat Dusun Lotud di daerah

Tuaran, masyarakat Dusun Kimaragang di daerah Kota Marudu dan masyarakat Dusun Tindal di daerah Kota Belud. Walau bagaimanapun, pada masa kini Kadazandusun sering dijadikan identiti bagi masyarakat Dusun di Sabah kerana perkongsian adat resam dan bahasa yang hampir sama.

Kadazandusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar atau majoriti di Sabah, selain Bajau, Murut dan Melayu Brunei (Halina Sendera Mohd Yakin et. al., 2020). Kadazandusun terdiri daripada dua kelompok etnik iaitu Kadazan dan Dusun, istilah Kadazandusun mula digunakan pada tahun 1992 selepas kerajaan negeri Sabah secara rasminya mengiktiraf gandingan nama tersebut melalui Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun atau *Kadazan Dusun Cultural Assiciation* (KDCA) (Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012). Menurut Yusry Sulaiman & Bilcher Bala (2020), perkataan “Kadazandusun” banyak digunakan di Papar dan Penampang, manakala perkataan





“Dusun” pula berasal daripada perkataan Melayu yang bermaksud kawasan kebun dan bersesuaian dengan ekonomi kedusunan di kawasan bukit, pergunungan dan di kawasan dataran. Oleh sebab itu, perkataan “Dusun” lebih banyak digunakan di Pantai Barat Borneo Utara (Rutter, 2016 di dalam Yusry Sulaiman & Bilcher Bala, 2020).

Terdapat banyak budaya dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat Dusun yang diamalkan oleh nenek moyang pada masa dahulu masih diamalkan sehingga sekarang kerana dipercayai mampu mengekalkan keharmonian dan kesepaduan dalam kehidupan. Masyarakat Dusun percaya kepada wujudnya Tuhan Yang Maha Mencipta dan makhluk ghaib yang akan memberi pertolongan dan perlindungan kepada mereka (Raafidah@Malissa Salleh et. al., 2019). Masyarakat Dusun turut percaya kepada pelbagai jenis semangat, sama ada semangat baik atau semangat jahat (Ick Ellyrenzine Linsap & Low, K. O., 2021). Sehubungan itu, amalan *sogit* masih dikekalkan dan diamalkan sehingga sekarang dan turut mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Dusun kerana diiktiraf dan diguna pakai di peringkat lebih tinggi iaitu Mahkamah Anak Negeri (MAN)<sup>1</sup>. Amalan *sogit* akan dikendalikan oleh Ketua Adat atau MAN melalui sistem kehakiman anak negeri. Oleh sebab itu, sehingga kini amalan *sogit* menjadi pegangan masyarakat Dusun dalam kehidupan sosial.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Amalan *sogit* merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh masyarakat Dusun untuk mengawal tingkah laku dalam kalangan masyarakatnya. Hal ini demikian kerana,

<sup>1</sup> Dalam kajian ini Mahkamah Anak Negeri akan diwakili MAN selepas ini.





sebarang pelanggaran terhadap adat atau didapati melakukan kesalahan sama ada dari segi pertuturan ataupun perlakuan akan dikenakan *sogit*. Menurut Jumail Sampoli (24 Mac 2022), *sogit* merupakan suatu dendaan atau hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dalam bentuk binatang ternakan dan bukannya dalam bentuk wang ringgit. Oleh sebab itu, amalan *sogit* dapat dikatakan sebagai satu sistem undang-undang kalangan masyarakat Dusun yang berperanan untuk mengawal kelakuan masyarakatnya dalam kehidupan agar tidak melakukan pelanggaran terhadap adat.

Masyarakat Dusun mempunyai sistem adat atau undang-undang yang rumit, berdasarkan pandang dunia dan sistem kepercayaan tradisional (Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012). Hal ini demikian kerana masyarakat Dusun mempercayai wujudnya semangat jahat atau kuasa ghaib yang boleh mendatangkan malapetaka sekiranya berlaku pelanggaran terhadap sistem adat tersebut. Sehubungan itu, *sogit* akan dikenakan kepada yang melakukan pelanggaran adat untuk tujuan perdamaian, namun terdapat sesetengah hukuman *sogit* yang dilihat membebankan masyarakat Dusun. Hal ini disebabkan oleh *sogit* sebagai penalti adat yang berdarah dan wajib diberikan dalam bentuk fizikal binatang ternakan (Pg Ismail Pg Musa et al, 2018).

Amalan *sogit* juga masih menjadi asas dalam perkahwinan masyarakat Dusun kerana sebelum berkahwin setiap pasangan perlu memastikan tidak wujud hubungan kekeluargaan bagi memastikan pelanggaran adat tidak berlaku. Di samping itu, pasangan tersebut juga perlu mematuhi peraturan adat dalam perkahwinan agar tidak melakukan pelanggaran dan seterusnya dikenakan *sogit*. Keadaan sedemikian menunjukkan bahawa masyarakat Dusun masih berpegang teguh kepada amalan *sogit* dalam mengawal kelakuan masyarakatnya terutamanya pasangan yang bakal





berkahwin. Sehubungan dengan itu, apakah jenis-jenis *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun?

Amalan *sogit* yang rumit dan meliputi pelbagai aspek juga menyebabkan sesetengah masyarakat Dusun terutamanya dalam kalangan generasi muda kurang memahami konsep dan pelaksanaannya. Hal ini disebabkan oleh gaya hidup masyarakat yang semakin berkembang dan kebanyakannya mula berhijrah ke kawasan bandar atas faktor pekerjaan. Keadaan sedemikian turut menyebabkan sesetengah masyarakat Dusun tidak lagi terikat dan terdedah dengan amalan dan budaya yang masih diamalkan sehingga sekarang. Oleh hal yang demikian, adakah amalan *sogit* masih relevan untuk dilaksanakan pada masa sekarang dan bagaimana pula dengan kaedah pelaksanaannya?



### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menjawab persoalan kajian yang timbul seperti berikut;

1. Apakah jenis-jenis amalan *sogit* yang diamalkan oleh masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah?
2. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan amalan *sogit* dilihat mendatangkan beban kepada masyarakat Dusun di Kota Belud Sabah?
3. Adakah amalan *sogit* wajar diamalkan dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah pada masa kini?





## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif yang harus dicapai bagi menjawab persoalan yang timbul dan sekali gus akan menjadi panduan pelaksanaan kajian ini agar tidak tersasar dari tujuan kajian. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah seperti yang berikut;

1. Mengenal pasti jenis-jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah.
2. Menganalisis kaedah pelaksanaan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah.
3. Menilai kewajaran amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah.



## 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini berkaitan dengan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah. Melalui kajian ini, pengertian terhadap amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun akan diterangkan dengan terperinci dan jenis-jenis serta kaedah pelaksanaan amalan *sogit* akan diteliti dan dikenal pasti. Hal ini bagi memastikan kajian terhadap amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun dapat dilakukan secara menyeluruh. Kewajaran pelaksanaan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun pada masa kini turut diteliti seiring dengan perubahan dan perkembangan kehidupan sosial masyarakat Dusun pada masa kini. Justeru,





maklumat atau data yang diperlukan akan diperoleh melalui temu bual bersama informan yang telah dipilih.

Seterusnya perkahwinan masyarakat Dusun iaitu melibatkan penyatuan antara dua individu melalui ikatan yang sah di sisi undang-undang. Terdapat peraturan adat yang telah ditetapkan dalam perkahwinan masyarakat Dusun yang harus dipatuhi oleh pasangan yang hendak berkahwin sama ada sebelum berkahwin, semasa berkahwin ataupun selepas berkahwin. Perlanggaran terhadap peraturan adat tersebut menyebabkan hukuman atau dendaan *sogit* akan dikenakan mengikut tingkat kesalahan yang dilakukan. Hal ini kerana semakin tinggi tingkat pelanggaran atau kesalahan adat yang dilakukan, semakin besar atau banyak dendaan *sogit* yang dikenakan. Oleh sebab itu, perkahwinan masyarakat Dusun dipilih sebagai skop kajian kerana dilihat berkait rapat dengan tingkah laku masyarakat Dusun dalam kehidupan sosial dan bersesuaian dengan fungsi amalan *sogit*.

Selain itu, masyarakat Dusun sebagai kumpulan sasaran bagi kajian ini. Masyarakat Dusun adalah tergolong dalam kategori kumpulan etnik terbesar di Sabah iaitu Kadazandusun (Jacqueline Pugh-Kitingan, 2012). Masyarakat Dusun juga merupakan antara penduduk terawal dan tertua di Sabah, maka masyarakat Dusun dilihat sangat unik dari aspek kepercayaan dan amalan kerana sehingga kini berjaya mengekalkan amalan tersebut. Walaupun masyarakat Dusun pada masa sekarang telah menganuti agama seperti Kristian dan Islam, tetapi amalan seperti *sogit* masih diaplikasikan dalam kehidupan. Keadaan ini turut mendorong kepada kajian ini untuk dijalankan dengan melihat kewajaran amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun.





Kemudian, daerah Kota Belud telah dipilih sebagai lokasi kajian. Daerah Kota Belud terletak di bahagian Pantai Barat Sabah dan kira-kira 70 kilometer daripada Bandaraya Kota Kinabalu. Bentuk muka bumi daerah Kota Belud yang unik iaitu berbukit bakau dan pesisir pantai membolehkan penduduk menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, penternakan, perikanan dan pelancongan. Daerah Kota Belud yang turut terdiri daripada pelbagai etnik iaitu Dusun, Iranun, Melayu, Cina dan India dengan jumlah penduduk seramai 93,180 orang dan majoriti penduduknya adalah terdiri daripada etnik Kadazandusun iaitu seramai 38,708 orang atau 41.54 peratus (berdasarkan kepada banci penduduk) (Rosliah Kiting et. al., 2020). Justeru, daerah Kota Belud dipilih menjadi populasi kajian kerana penduduk di daerah Kota Belud majoritinya ialah masyarakat Dusun.



Hal yang demikian telah mendorong penggunaan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian bertujuan (*Purposive Sampling*) digunakan untuk memilih sampel bagi kajian ini. Sampel kajian juga dipilih mengikut ciri-ciri atau kriteria yang ditetapkan untuk menjadi informan dan pengumpulan maklumat akan menggunakan instrumen temu bual. Seterusnya, terdapat kekangan dalam pemilihan waktu yang sesuai untuk menjalankan temu bual bersama informan kerana masa lapang setiap informan adalah tidak sama. Hal ini disebabkan oleh faktor pekerjaan yang dilakukan oleh setiap informan, maka perancangan dan pemilihan waktu yang sesuai penting untuk mendapatkan maklumat atau data daripada informan.





## 1.6 JURANG PENGETAHUAN

Terdapat banyak kajian lepas yang telah dilakukan oleh ahli sarjana berkaitan dengan budaya dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat Dusun di Sabah. Kajian-kajian lepas tersebut turut membuat penelitian terhadap amalan masyarakat Dusun dalam *sogit* secara menyeluruh dan tidak dilakukan secara terperinci mengikut aspek. Hal ini demikian kerana amalan *sogit* dalam masyarakat Dusun meliputi semua aspek dalam kehidupan masyarakatnya sama ada dalam perkahwinan dan tingkah laku dalam sosial. Oleh sebab itu, kajian ini memberi fokus kepada perbincangan secara terperinci berkaitan dengan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah sekiranya berlaku pelanggaran. Justeru, jurang pengetahuan antara kajian lepas dan kajian ini akan dilihat melalui tiga aspek utama iaitu jurang teori, jurang empirikal dan jurang praktikal.



Jurang pengetahuan yang pertama ialah dari aspek teori, antara teori yang telah digunakan dalam kajian lepas berkaitan dengan budaya dan kepercayaan masyarakat Dusun ialah teori fungsional. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Budi Anto Mohd Tamring (2018) yang berkaitan dengan *Mikorot* dalam konteks kebudayaan etnik Dusun di Sabah: analisis dari aspek perspektif hubungan etnik. Melalui teori fungsional, amalan *mikorot* adalah adat yang penting dan mempunyai fungsi dalam budaya dan sistem kekeluargaan masyarakat Dusun. Hal ini demikian kerana, amalan tersebut dilihat sebagai satu kaedah untuk menstabilkan hubungan antara masyarakat Dusun dengan masyarakat yang lain walaupun berbeza agama maupun budaya. Manakala, teori fungsional dalam kajian ini digunakan untuk melihat fungsi amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun yang bertindak sebagai mengawal tingkah laku



masyarakat Dusun. Oleh sebab itu, kajian ini turut mengaplikasikan teori fungsionalisme struktural berdasarkan kepada pemikiran Emilie Durkheim untuk melihat fungsi amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud.

Seterusnya ialah dalam aspek jurang empirikal antara kajian lepas dengan kajian yang akan dijalankan ini. Jurang empirikal ialah berkaitan dengan kaedah yang digunakan dalam kajian sama ada dalam reka bentuk kajian, pensampelan atau instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Berdasarkan kepada kajian lepas berkaitan dengan budaya dan kepercayaan masyarakat Dusun, jurang empirikal yang dapat dilihat adalah dalam pensampelan iaitu jenis pensampelan yang digunakan untuk mendapatkan sampel kajian. Misalnya, dalam kajian Budi Anto Mohd Tamring (2018) menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pensampelan *snowball* digunakan untuk mengenal pasti informan kajian. Berbeza dengan kajian ini yang turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual tetapi pensampelan bukan kebarangkalian bertujuan (Purposive Sampling) untuk mengenal pasti informan kajian.

Akhir sekali, jurang praktikal iaitu berkaitan dengan hasil kajian dan kepentingan kajian. Berdasarkan kepada kajian lepas berkaitan dengan budaya dan kepercayaan masyarakat Dusun, jurang praktikal yang dapat ialah kepentingan kajian. Sebagai contoh kajian lepas yang dijalankan oleh Halina Sendera Mohd Yakin et. al. (2016), kepentingan kajian tersebut adalah dapat meningkatkan kefahaman dalam kalangan pembaca mengenai simbol bintang ternakan dan konsep artifak dengan jelas. Hal ini demikian kerana, sesetengah masyarakat Sabah seperti masyarakat Dusun,



Bajau dan Murut banyak melibatkan dan mementingkan binatang ternakan terutamanya dalam budaya dan kepercayaan. Manakala, kajian ini akan menerangkan dan membincangkan budaya dan kepercayaan yang melibatkan binatang ternakan sebagai kaedah dalam melaksanakan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun yang melakukan kesalahan atau pelanggaran adat.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan pasti bertujuan untuk memberikan manfaat sama ada kepada pembaca atau skop kajian yang terlibat. Kajian ini juga diharapkan agar dapat memberikan manfaat kepada pembaca dan penyelidik budaya serta masyarakat Dusun itu sendiri. Hal ini kerana, amalan *sogit* merupakan budaya dan kepercayaan yang diwarisi daripada zaman nenek moyang, oleh itu sebagai masyarakat Dusun sudah menjadi kewajiban untuk memahami dan mengetahui amalan tersebut. Amalan *sogit* meliputi semua perkara dalam kehidupan masyarakat Dusun, namun kajian ini hanya akan berfokus kepada amalan *sogit* dalam perkahwinan dan hanya melibatkan individu atau pasangan yang melakukan kesalahan atau pelanggaran adat.

Antara kepentingan pelaksanaan kajian ini ialah dapat menambah bahan rujukan berkaitan dengan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun itu sendiri. Hal ini kerana, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan amalan *sogit* kebanyakannya membincangkan amalan *sogit* secara umum. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melakukan penelitian dan penerangan yang terperinci berkaitan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun sahaja dengan menyatakan jenis-jenis



*sogit* yang akan dikenakan kepada yang melakukan kesalahan atau pelanggaran adat. Oleh sebab itu, secara tidak langsung jenis-jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun di daerah Kota Belud Sabah akan dapat diketahui dan difahami kerana tidak semua amalan *sogit* adalah sama. Justeru, kajian ini akan dapat menambah maklumat yang sedia ada berkaitan dengan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun.

Masyarakat Dusun terutamanya generasi akan datang boleh memanfaatkan kajian ini dengan menjadikannya sebagai rujukan terutamanya kepada individu atau pasangan yang akan berkahwin. Hal ini kerana, hasil daripada kajian ini boleh didokumentasikan menjadi sebuah buku yang dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat Dusun kerana terdapat banyak peraturan adat yang perlu diketahui dan dipatuhi oleh pasangan yang hendak berkahwin. Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap peraturan adat tersebut, maka *sogit* akan dikenakan. Oleh hal yang demikian, kajian seperti ini yang membincangkan jenis-jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun boleh dijadikan rujukan agar pembaca dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Dusun pada masa akan datang agar tidak melakukan pelanggaran adat sekali gus dapat mengelakkan diri daripada dikenakan *sogit*.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan tambahan kepada MAN daerah Kota Belud melalui pendokumentasian amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat. Hal ini demikian kerana, kajian ini dilakukan secara terperinci dan setiap jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun akan disusun mengikut peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas perkahwinan. Di samping itu, kajian ini juga adalah berdasarkan kepada hasil temu bual bersama informan yang



berpengetahuan dan berpengalaman, maka jenis amalan *sogit* yang dinyatakan bukan berdasarkan kepada data sekunder semata-mata. Oleh sebab itu, melalui pendokumentasian amalan *sogit* dalam perkahwinan, masyarakat Dusun yang berkepentingan seperti Ketua Adat, Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN)<sup>2</sup> dan Ketua Anak Negeri (KAN)<sup>3</sup> akan lebih mudah dan mempunyai rujukan tambahan untuk melaksanakan *sogit* sekiranya terdapat pelanggaran atau kesalahan adat.

Akhir sekali, kajian ini akan dapat memberikan manfaat dalam penulisan atau kajian yang berkaitan dengan budaya dan kepercayaan dalam masyarakat Dusun di Sabah. Hal ini kerana, skop kajian ini melibatkan budaya dan kepercayaan masyarakat Dusun berkaitan dengan amalan *sogit* dalam perkahwinan. Melalui perbincangan amalan *sogit* dalam perkahwinan ini, penulis atau pengkaji budaya akan dapat memahami dengan lebih jelas terhadap budaya dan kepercayaan masyarakat Dusun yang berkaitan dengan amalan *sogit* khususnya dalam perkahwinan. Hal ini demikian kerana amalan *sogit* mempunyai skop yang sangat luas iaitu meliputi tingkah laku kehidupan masyarakat Dusun secara menyeluruh. Oleh sebab itu, penulis atau pengkaji budaya boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan atau panduan serta dapat meningkatkan kefahaman berkaitan dengan amalan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun di Sabah.

<sup>2</sup> Dalam kajian ini Wakil Ketua Anak Negeri akan diwakili WKAN selepas ini

<sup>3</sup> Dalam kajian ini Ketua Anak Negeri akan diwakili KAN selepas ini





## 1.8 JANGKAAN HASIL KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun secara terperinci dengan menyatakan jenis-jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan serta kaedah pelaksanaan setiap jenis amalan *sogit* yang telah dinyatakan. Jangkaan Hasil kajian adalah penting bagi memberikan gambaran kasar secara menyeluruh bagi kajian yang dijalankan ini. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab dan setiap bab akan dijelaskan melalui jangkaan hasil kajian ini agar pembaca mendapat gambaran terhadap kajian ini.

Bab pertama dalam kajian ini ialah pengenalan secara ringkas berkaitan dengan kajian yang telah dilaksanakan. Bab pertama dibahagikan kepada latar belakang kajian yang bertujuan untuk menerangkan kajian secara umum, pernyataan masalah yang berkaitan masalah yang ada dalam skop kajian dan persoalan kajian iaitu persoalan yang wujud sehingga mendorong kepada pelaksanaan kajian ini. Bahagian yang seterusnya ialah objektif kajian yang berkaitan dengan tujuan pelaksanaan kajian, skop kajian yang berkaitan dengan lingkungan kajian dan jurang pengetahuan akan membuat perbandingan antara kajian lepas berdasarkan kepada jurang teori, empirikal dan praktikal. Manfaat kajian ini pula dijelaskan pada bahagian kepentingan kajian dan akhir sekali ialah bahagian jangkaan hasil kajian yang memberikan gambaran kasar bagi kajian ini. Oleh itu, bab pertama ialah berkaitan dengan penerangan secara terperinci terhadap latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, jurang pengetahuan, kepentingan kajian dan jangkaan hasil kajian akan dilakukan.





Bab dua dalam kajian ini ialah tinjauan literatur iaitu berkaitan penerangan secara terperinci bagi setiap skop bagi kajian ini. Bab dua terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu definisi operasional, sorotan kajian lepas dan kerangka konseptual atau teoritikal. Definisi-definisi daripada sumber sekunder iaitu buku dan penulisan jurnal atau artikel bagi skop kajian seperti amalan *sogit*, perkahwinan dan masyarakat Dusun akan dilakukan pada bahagian definisi operasional agar tidak tersasar daripada tujuan kajian. Sorotan kajian lepas pula berkaitan dengan hasil kajian sebelumnya berkaitan dengan budaya dan kepercayaan dalam masyarakat dan mengikut tema yang telah ditetapkan. Kerangka konseptual atau teoritikal adalah penerangan kepada proses pelaksanaan kajian ini dan penerangan terhadap teori-teori yang berkaitan dengan budaya dan kepercayaan dalam masyarakat Dusun. Justeru, bab dua bagi kajian ini berkaitan dengan kajian-kajian lepas dan penerangan bagi istilah yang digunakan dalam

kajian ini agar konsep dan kajian tidak tersasar daripada tujuan kajian.



Seterusnya, bab tiga dalam kajian ini ialah metodologi kajian yang berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data atau maklumat yang dikehendaki dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian. Bab tiga terbahagi kepada reka bentuk kajian, instrumen kajian, data primer dan sekunder, populasi dan pensampelan kajian, prosedur pengumpulan data dalam kajian dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data. Reka bentuk kajian ini ialah penyelidikan kualitatif melalui kaedah fenomenologi dan menggunakan temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan data atau maklumat yang diperlukan. Data primer akan diperoleh melalui temu bual bersama informan dan data sekunder pula diperoleh melalui kepustakaan dan jurnal atau artikel. Populasi kajian pula adalah masyarakat Dusun dan pensampelan kajian dilakukan dengan menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian bertujuan.





Antara prosedur pengumpulan data ialah melakukan kajian rintis, membuat temu janji dengan informan dan menetapkan ciri-ciri sampel kajian untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Data atau maklumat yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan kaedah triangulasi data.

Kemudian bab empat dalam kajian ini ialah perbincangan dan penganalisisan data dan maklumat yang telah diperoleh melalui temu bual bersama informan. Bab empat akan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu jenis-jenis amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun, tujuan amalan *sogit* dalam perkahwinan masyarakat Dusun dan hubung kait amalan *sogit* dengan keagamaan masyarakat Dusun serta kewajaran amalan *sogit* pada masa kini. Pembahagian pada bab empat ini adalah berdasarkan kepada dapatan dan penemuan kajian melalui temu bual bersama informan,

Oleh itu tidak terdapat format perbincangan yang telah ditetapkan.



Akhir sekali ialah bab lima ini iaitu rumusan kajian iaitu berkaitan dengan perbincangan secara menyeluruh terhadap kajian ini. Melalui bab lima, perbincangan secara menyeluruh akan dilakukan kerana rumusan kajian yang dihasilkan harus merangkumi semua bab iaitu bab pertama, kedua, ketiga dan keempat. Selain itu, bab lima juga akan membincangkan cadangan penambahbaikan penulisan yang boleh dilakukan pada masa akan datang. Oleh sebab itu, setiap bab dalam kajian ini mengandungi penerangan yang berbeza-beza mengikut pembahagian perbincangan dan secara tidak langsung pembahagian bab telah membolehkan penulisan ini disusun dan lebih teratur.

